

## **Pendidikan Emosi Terhadap Kanak-Kanak Berdasarkan Ayat 13-19 Surah Luqman**

### ***Emotional Education for Children Based on Verses 13-19 of Surah Luqman***

**Shahnun Binti Haji Musa<sup>1</sup>, Amrina Rasyada binti Kamaruzaman<sup>2</sup>, Nur Aina Mardhiah binti Che Rahim<sup>3</sup> & Noor Fatimah binti Mujahid<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Islamic Studies, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: shahnunmusa70@gmail.com

<sup>2</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: amrina.rasyada93@gmail.com

<sup>3</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ilhammardhiah@gmail.com

<sup>4</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, e-mail: noorfatimahmujahid@gmail.com

#### **ABSTRAK**

Nilai emosi sejahtera terhadap kanak-kanak perlu diterapkan seawal usia. Mereka perlu dilengkapi dengan didikan agama Islam yang sesuai dengan fitrah mereka agar menjadi seorang individu yang bersahsiah mapan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang interaksi al-Quran dan hadis terhadap pendidikan emosi kanak-kanak. Jika kanak-kanak berlaku gangguan emosi perlulah ditangani segera. Setiap kanak-kanak yang diberi pengasuhan serta pendidikan emosi yang berkesan agar dapat membesar sebagai kanak-kanak yang mempunyai nilai sendiri yang sejahtera. Dalam membincangkan kepentingan ini, beberapa kajian literatur turut dijadikan panduan dalam menjadikan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama. Pendekatan kajian ini adalah secara kualitatif dan kepustakaan melalui analisis dokumen iaitu mendapatkan beberapa ayat al-Quran yang berkaitan. Ayat-ayat yang dipilih pula diteliti dengan menggunakan kitab tafsir yang muktabar serta diperkukuhkan dengan huraian hadis-hadis Nabi SAW. Hasil kajian ini mendapati ayat 13-19 Surah Luqman boleh dijadikan panduan dalam pendidikan emosi kanak-kanak. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada ibu bapa, para guru serta sektor-sektor pendidikan yang menguruskan pusat pendidikan kanak-kanak. Kesimpulannya, kajian seumpama ini boleh membantu pihak yang terlibat agar melaksanakan ayat-ayat al-Quran dalam pendidikan emosi kanak-kanak.

**Kata Kunci:** Al-Quran; Pendidikan Emosi; Kanak-kanak; Surah Luqman

---

### **ABSTRACT**

*The emotional value of well-being towards children needs to be instilled at an early age. They should be equipped with Islamic religious education that suits their nature in order to become a firm individual. Therefore, this study aims to discuss the interaction of the Quran and hadith on children's emotional education. If a child has an emotional disturbance, it must be dealt immediately. Every child needs to be given care and effective emotional education in order to grow up as a child with healthy self-worth. In discussing this importance, some literature studies are also used as a guide in making the verses of the Quran and the Hadith as the main source of reference. The approach of this study is qualitative and bibliographic through document analysis, which is to obtain several relevant verses of the Quran. The selected verses are also researched by using authoritative books of interpretation and strengthened with the description of the hadiths of the Prophet SAW. The results of this study found that there are verses from the Quran used as a guidance in children's emotional education. The findings of this study are expected to be a guide for parents, teachers and education sectors that manage children's education centers. In conclusion, this kind of research can help the parties involved to implement the verses of the Quran in children's emotional education.*

**Keywords:** *Quran Verses; Emotional education; Children; Surah Luqman*

---

## **1. Pendahuluan**

Islam adalah agama yang sangat menitikberatkan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak dari aspek agama, tingkahlaku dan peribadi sejahtera sejak dari tahun pertama kehidupan mereka (Al-'Ajami, 2014). Kanak-kanak hendaklah dilazimkan dengan ajaran dan nilai-nilai agama yang suci, tingkah laku mulia dan sahsiah sejahtera bermula kelahiran mereka kerana mereka dilahirkan secara fitrah. Hati nurani yang masih suci bagaikan sebutir permata yang murni, bebas dari segala macam ukiran dan lukisan.

Dalam situasi ini mereka sangat mudah dipengaruhi oleh persekitaran dan cenderung untuk menerima apa sahaja bentuk pendidikan yang diterima. Masa kanak-kanak merupakan masa yang paling penting, pada fasa inilah seorang pendidik perlu menanamkan prinsip-prinsip yang lurus, nilai yang baik dalam jiwa dan tingkah laku anak didiknya (Syaikh Jamal, 2010). Apabila ia dibiasakan untuk melakukan kebaikan ia pasti akan tumbuh menjadi orang yang baik. Kedua orang tua akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat termasuk guru serta pendidiknya. Namun jika ia dibiarkan melakukan hal-hal buruk tanpa pendidikan yang sempurna, maka ia pasti akan menjadi orang

yang binasa, jahil sehingga terdedah kepada perkara dosa dan kemungkarannya. Maka orang yang bertanggungjawab termasuk walinya akan menanggung dosanya” (Fauziah, 2017).

Menurut al-Ghazali (2012) dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*, pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak hendaklah berlaku secara menyeluruh agar mereka berkembang dan membesar sebagai seorang individu sejahtera yang memahami peranan mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Dalam proses tumbesaran kanak-kanak, mereka juga berdepan cabaran kerana belum mampu menguruskan tekanan emosi dengan baik. Pakar Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja, Hospital Permai Johor Bahru, Dr. Nor Rahidah Abd. Rahim berkata, kanak-kanak yang mengalami tekanan lebih cenderung mengasingkan diri, mengabaikan keperluan mereka seperti mandi, makan dan tidur selain menunjukkan kemerosotan dalam pelajaran. Oleh itu beliau menasihati ibu bapa agar mendengar dan berkomunikasi dengan baik serta sesuai dengan emosi anak-anak mereka (Kosmo, 2020).

Dalam membincangkan kepentingan pengasuhan dan pendidikan emosi berkesan, terdapat beberapa kajian yang menjadikan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama dan pemahaman berkaitannya dijadikan panduan. Kajian-kajian tersebut seperti (Abul Hasan, 2013) berkaitan kecerdasan emosi mengikut al-Quran al-Karim, (Badriah, 2014) yang membincangkan kaitan antara kecerdasan akal dan kemantapan emosi di dalam ayat al-Quran dan (Ibrahim, 2011) yang menjelaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW berkaitan kecelaruan emosi.

Berdasarkan kajian literatur di atas, adalah sangat perlu akan kajian yang menumpukan kepada pengasuhan dan pendidikan sosial emosi kanak-kanak dengan merujuk ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW yang berkaitan.

## **2. Definisi Kanak-Kanak dan Emosi**

Kanak-kanak bermaksud seorang budak lelaki atau perempuan yang masih kecil. Kebiasaan umur bagi kanak-kanak adalah tidak lebih dari tujuh atau lapan tahun. Manakala emosi pula bermaksud suatu perasaan di dalam jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut, dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Jika dilihat hasil telaah penafsiran Wahbah al-Zuhaili tentang pembahagian pendidikan anak-anak, ia terbahagi kepada enam tahap iaitu penerapan tauhid, adab, tanggungjawab diri, mengambil berat, berdikari dan hidup dalam masyarakat. Pembahagian tahap pendidikan ini adalah mengikut umur kanak-kanak iaitu bermula dengan penerapan tauhid sejak hari pertama dilahirkan sehingga umur dua tahun.

Penerapan kalimah tauhid kepada anak yang baharu lahir merupakan satu sunnah Baginda Rasulullah SAW sehingga ucapan pertama yang didengari dan dikenali oleh anak adalah kalimah tauhid. Seterusnya pada umur lima hingga enam tahun adalah penerapan adab dan akhlak iaitu dengan menerapkan nilai jujur, tidak berbohong serta mengetahui perkara yang betul dan salah. Sikap jujur wajar ditanamkan sejak kecil kerana ia akan menjadi satu kebiasaan yang murni jika memiliki sikap ini. Seterusnya penerapan akan tanggungjawab diri bermula umur tujuh hingga lapan tahun iaitu dengan memerintahkan anak untuk mendirikan solat. Perkara ini akan mendidik sikap bertanggungjawab terhadap anak itu sendiri hingga lahirnya disiplin dan tertib dalam melaksanakan ibadah.

Ketika umur sembilan hingga 10 tahun pula penerapan mengenai sikap mengambil berat atau mengambil peduli terhadap orang sekitar bermula ahli keluarga sehingga kawan-kawannya. Iaitu sikap saling menghormati, menyayangi serta membantu insan sekeliling. Kemudian pada umur 11 hingga 12 tahun adalah penerapan tentang sikap berdikari. Setelah banyak pengalaman telah dilalui ketika umur sebelumnya akan membentuk sikap berani untuk berdikari. Ketika berada pada lingkungan umur 10 tahun, jika didapati meninggalkan solat maka sunnah Rasulullah SAW mengajarkan untuk memukulnya dan memisahkan tempat tidur dari orang tua. Pada usia ini juga anak mampu membezakan antara perkara pahala dan dosa.

Pada umur 13 tahun ke atas pula penerapan untuk hidup dalam masyarakat. Seorang anak telah pun disiapkan untuk masuk dalam kehidupan bermasyarakat dan mudah untuk bergaul (Indah, 2020). Oleh itu, jelaslah menurut pendapat ini, kanak-kanak ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil dalam lingkungan umur bermula dilahirkan hingga 12 tahun.

Dalam *Mu'jam Alfaz al-Quran*, terdapat perkataan “الطفل” telah disebutkan empat kali dalam al-Quran. Contoh seperti berikut: ( الطفل – طفلا – الأطفال ) dan perkataan ini terdapat pada surah-surah yang berikut:

i. Perkataan الطفل

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصُرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ  
أَبْنَاؤِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ  
أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّبِيعِينَ غَيْرِ أُولِي الْأَرْبَابَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَتِ النِّسَاءِ

Terjemahan: Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan

hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. (An-Nur, 24:31)

### ii. Perkataan طفلاً

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَعَجِيرٍ مُّخَلَّقَةٍ لِّنَبِّئَنَّ لَكُمْ ؕ وَنُقَرِّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِنَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ

Terjemahan: Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa. (Al-Hajj, 22: 5)

### iii. Perkataan طفلاً

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّن تُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِنَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لِنَكُونُوا شُيُوخًا

Terjemahan: Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. (Ghafir, 40:67)

iv. الأطفال

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا كَمَا اسْتَأْذَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۗ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۗ

Terjemahan: Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya). (An-Nur,24:59)

Manakala dalam kajian yang lain pula, menurut Jumu'ah (2001), penggunaan perkataan kanak-kanak atau lafaz-lafaz lain yang juga membawa maksud kanak-kanak boleh juga menggunakan lafaz-lafaz dalam bahasa Arab seperti berikut iaitu: (فتى، فتية، صبي، غلام، ولد، أولاد، صغير، بني).

Perkataan “الطفل” umpamanya dalam Surah An-Nur ayat 31, bermaksud kanak-kanak yang belum mencapai umur aqil baligh, iaitu mereka diharuskan untuk melihat wanita ajnabi kerana tidak timbul perasaan syahwat ketika melihat wanita ajnabi tersebut. Imam al-Baidhawi (2015) ketika mana mentafsirkan ayat ini pada perkataan “الطفل” yang bermaksud kanak-kanak menyatakan bahawa mereka yang tidak melihat aurat wanita kerana belum sampai umur baligh dan belum juga sampai ke peringkat had syahwat.

Emosi boleh diertikan sebagai perasaan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan sahsiah, tingkah laku dan sosialisasi seseorang insan. Allah SWT telah mengurniakan pelbagai emosi kepada manusia supaya dapat meneruskan kehidupan. Contohnya, emosi takut mendorong seseorang untuk menghindari bahaya yang mengancam. Emosi marah mendorong seseorang untuk mempertahankan diri dan berjuang untuk mendapatkan hak dan kelangsungan hidup. Meskipun emosi mempunyai fungsi yang penting dalam kehidupan manusia dalam membantu penjagaan diri dan kelestarian hidup, namun emosi yang berlebih-lebihan boleh mengganggu kesejahteraan fizikal, intelek dan psikologi individu (Ustman Najati M., 2001)

Perkembangan emosi kanak-kanak menunjukkan sejauh mana perkembangan yang dialami, pembentukan sendiri dan penyesuaian sosial kanak-kanak. Memahami emosi seseorang individu adalah sesuatu yang sangat sukar kerana emosi merupakan aspek yang sangat subjektif. Lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak awal usia, di mana emosi mereka tidak dapat dikenal pasti secara jelas. Sekalipun keadaan emosi mereka diperhatikan melalui ekspresi luaran, terutamanya ekspresi muka dan perlakuan tetapi tidak sepenuhnya menggambarkan situasi mereka yang sebenar. (Hurlock, 1978).

Hurlock (1978), telah mengemukakan pengaruh emosi terhadap pembentukan sendiri dan penyesuaian sosial kanak-kanak:

- i. Emosi meningkatkan keseronokan pengalaman harian.
- ii. Emosi menyediakan tubuh badan untuk melakukan tindakan.
- iii. Tekanan emosi mengganggu kemahiran psikomotor.
- iv. Emosi membentuk cara komunikasi.
- v. Emosi mempengaruhi aktiviti mental.
- vi. Tindakan emosi sebagai sumber penilaian sendiri dan sosial.
- vii. Emosi mewarnai pandangan kanak-kanak terhadap kehidupan.
- viii. Emosi mempengaruhi interaksi sosial.
- ix. Emosi menzahirkan tandanya pada ekspresi muka.
- x. Emosi mempengaruhi iklim psikologi.
- xi. Respons emosi yang berulang akan menjadi tabiat

Memandangkan peranan emosi sangat penting dalam kehidupan kanak-kanak, tidak hairanlah ada pandangan yang menyatakan bahawa emosi berbeza mengikut genetik individu, berkembang secara semula jadi mengikut pertambahan usia kanak-kanak dan keadaan emosi tidak boleh diubah. Walaubagaimanapun, kajian saintifik telah membuktikan bahawa sekalipun emosi kanak-kanak mempunyai pengaruh genetik tetapi pendidikan dan persekitaran lebih besar pengaruhnya dalam pembinaan emosi kanak-kanak (Hurlock, 1978). Pada peringkat permulaan ekspresi perasaan kelihatan seperti berlaku secara biologi, namun kemudiannya mereka dipengaruhi oleh persekitaran sosiobudaya. Bayi mula belajar daripada ibu bapa dan orang di sekitarnya tentang emosi yang bersesuaian dengan situasi tertentu (Halberstadt, 1991).

Oleh itu, penerapan elemen pendidikan emosi ini sangatlah penting di usia kanak-kanak agar mereka membesar dalam keadaan mempunyai persiapan yang rapi dalam menghadapi perubahan hidup. Kadang-kadang perubahan dan cabaran hidup itu berlaku drastik seperti kematian ahli keluarga, kemusnahan harta benda, kemiskinan dan seumpamanya. Justeru persediaan emosi yang jitu dalam diri kanak-kanak perlu diperkukuhkan dalam tempoh awal perkembangan mereka agar mampu mendepani cabaran-cabaran kehidupan dengan jati agama yang kukuh (Norsaleha, 2016).

### 3. Skop dan Metodologi Kajian

Pendekatan yang digunakan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah penelitian kepustakaan melalui analisis dokumen berdasarkan enam ayat al-Quran yang terdapat pada surah Luqman iaitu bermula ayat 13 hingga ayat 19. Ayat-ayat yang dipilih, diteliti melalui penafsiran kitab tafsir yang muktabar dan huraian ayat diperkukuhkan dengan hadis-hadis Nabi SAW.

Kajian ini juga menggunakan kaedah deskriptif melalui kaedah secara penelitian tentang pengenalan Luqman iaitu mengenai asal-usul, ciri-ciri, sifat, perwatakan serta bicara nasihat Luqman sehingga Allah SWT mengangkat martabat nasihat itu melalui wahyu-Nya. Manakala pendekatan secara falsafah pula digunakan untuk membahas dan menjelaskan tentang konsep nasihat Luqman yang mempengaruhi pendidikan emosi kanak-kanak melalui al-Quran dan terjemahan serta *Tafsir Ibnu Kathir*.

### 4. Hasil Analisis

#### 4.1 Interaksi ayat Al-Quran dalam Pendidikan Emosi Kanak-Kanak

Kajian ini menyentuh tentang pendidikan emosi kanak-kanak dengan merujuk kepada panduan ayat 13 hingga 19 dalam surah Luqman. Surah ini terletak pada kedudukan surah ke 31, Juzuk ke 21 iaitu di antara surah al-Rum dan al-Sajdah. Surah ini terdiri daripada 34 ayat-ayat Makkiyah. Menurut Fauziah (2017), sebab penamaan surah Luqman ini berdasarkan pada ayat 12 iaitu tentang Luqman yang telah diberikan 'hikmah' oleh Allah SWT iaitu nikmat dan ilmu pengetahuan. Oleh itu, beliau bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat itu. Dalam tafsir Ibnu Kathir menyebutkan bahawa nama lengkap Luqman adalah Luqman bin 'Anqa bin Sadun, dan nama anaknya adalah Tsaran. Ada pendapat lain mengatakan anak Luqman adalah seorang kafir yang musyrik. Disebabkan itu Luqman tidak berhenti menasihati anaknya sehingga anaknya memeluk Islam (J. Hatta, 2012).

Menurut Humaidah (2017), tujuh ayat yang bermula ayat ke 13 sehingga 19 terdapat intipati nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya supaya menjadi pengajaran buat ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Luqman. Nilai-nilai pendidikan yang terkandung pada ayat ini adalah menanamkan keimanan serta ketauhidan kepada anak, memerintahkan anak untuk berbuat baik kepada kedua orang tua, menanamkan rasa diawasi Allah SWT, menegakkan solat, melakukan amar makruf iaitu memerintahkan perkara kebaikan dan nahi munkar iaitu mencegah kemungkaran, sabar dalam menghadapi segala ujian, tidak bersikap sombong, sederhana dalam berjalan dan berbicara.



Terjemahan ayat-ayat di dalam al-Quran surah Luqman, ayat 13 hingga 19 iaitu:

*“Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)”. Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji. Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)”. Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:” Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): ”Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi. ”Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. ”Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah)*

*kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. "Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".(Luqman, 31:13-19)*

Menurut Tafsir Ibnu Katsir (2008), Allah SWT berfirman tentang wasiat Luqman kepada anaknya. Allah SWT telah menyebutkan akan Luqman sebaik-baik sebutan dan diberikannya hikmah. Luqman memberikan wasiat kepada puteranya yang merupakan insan yang paling dikasihi dan dicintainya. Yang pertama wasiat Luqman pada ayat 13 adalah untuk beribadah kepada Allah Yang Maha Esa, Yang Tiada Sekutu bagi-Nya kerana perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang besar. Luqman menyambung wasiat kepada anaknya pada ayat 14 supaya berbakti kepada kedua orang tua kerana ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah kemudian menyusuinya selama dua tahun. Pada ayat 15, sekiranya ibu bapa memaksa untuk mempersekutukan Allah SWT, maka jangan mengikutinya. Namun perkara itu tidak menghalang untuk seorang anak tetap melakukan kebaikan kepada keduanya. Seterusnya ayat 16, Allah SWT menyatakan bahawa setiap kejahatan dan kebaikan sekalipun seberat biji sawi akan ditimbang keadilan dan diberikan balasan. Kemudian pada ayat 17, wasiat Luqman kepada anaknya supaya mendirikan solat, menyuruh manusia kepada perkara kebaikan dan mencegah dari kemungkaran serta bersabar terhadap ujian yang menimpa. Sesungguhnya kesabaran atas seksaan manusia merupakan perkara-perkara yang wajib.

Pada ayat 18 pula Luqman melarang anaknya dari memalingkan muka kerana sombong atau merendahkan mereka jika berkomunikasi dengan mereka tetapi merendahlah atau memaniskan wajah terhadap mereka serta tidak berjalan di muka bumi dengan angkuh kerana Allah SWT tidak menyukai orang yang sombong lagi membanggakan diri. Akhirnya pada ayat 19 iaitu berjalan secara sederhana, tidak terlalu lambat dan tidak terlalu cepat, akan tetapi adil dan pertengahan. Janganlah berbicara dengan berlebihan serta tidak mengeraskan suara pada sesuatu yang tidak bermanfaat. Diumpamakan seburuk-buruk suara adalah suara keldai iaitu berlebihan dan keras dalam mengangkat suara kerana perbuatan itu termasuk dalam perkara yang dimurkai Allah SWT (Ibnu Katsir, 2017).

Ibrahim dari kisah Luqman yang menerapkan konsep tauhid terhadap anaknya telah diabadikan dalam al-Quran. Keutamaan bagi konsep pendidikan tauhid sejak kecil adalah dengan memperkenalkan akan tauhid iaitu mengesakan Allah SWT dan tidak menyekutukan Allah SWT. Tauhid merupakan landasan bagi umat Islam, kerana jika seseorang itu benar tauhidnya maka akan mendapatkan keselamatan di dua daerah iaitu dunia dan

akhirat. Jika tanpa tauhid, pasti akan terjatuh ke lembah kesyirikan sehingga menemui kecelakaan di dunia dan di akhirat.

Oleh itu, pendidikan tauhid sangat memberi impak yang besar kepada anak kecil kerana tauhid merupakan ruh kepada pendidikan ibadat, syariat dan lain-lain aspek agama. Kemantapan tauhid akan mendorong anak kecil menerima perintah dan larangan dalam agama dengan hati yang terbuka. Selain itu terhasil juga peribadi yang berlapang dada, kuat semangat dalam diri kanak-kanak kerana pergantungan yang tinggi hanya kepada Allah SWT.

#### ***4.2 Interaksi Hadis dalam Pendidikan Emosi Kanak-Kanak***

Sebagaimana perbincangan di atas, pendidikan adalah satu usaha manusia untuk mendewasakan orang lain agar menjadi insan yang bertanggungjawab kepada diri sendiri, orang lain, haiwan mahupun sebagainya. Pendidikan dalam erti kata yang luas tidak hanya terbatas kepada sesi pembelajaran formal antara guru dan murid semata-mata, malah proses mengajak, membimbing dan mendorong orang lain juga merupakan sebahagian aktiviti pendidikan dari skop Islam. Hal ini boleh difahami bahawasanya pendidikan sentiasa berlaku di mana-mana sahaja dan pada siapa sahaja selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip yang ditetapkan dalam Islam (H. Ahmad Syar'i: 2005).

Dalam hal ini, Allah SWT banyak menggalakkan manusia agar sentiasa mencari ilmu dan menggunakan nikmat yang telah Allah kurniakan untuk mendapatkan ilmu. Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahan: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak tahu apa-apa. Dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani agar kamu bersyukur”. (An-Nahl 16:78)

Allah SWT mengurniakan pelbagai pancaindera untuk manusia sentiasa berinteraksi dalam kehidupan dengan sesama makhluk. Keadaan ini merupakan satu proses pendidikan yang memerlukan suatu pendekatan yang sistematik agar hasilnya dapat dinikmati dewasa kelak. Antaranya ialah pendidikan kepada kanak-kanak yang mana ia merupakan antara proses awal yang perlu diterapkan ke dalam peringkat proses kementerian seorang manusia (Jumu'ah, 2001) (Nurul Akhma Yahya et. al., 2015).

Terdapat pelbagai contoh dan keadaan yang menunjukkan baginda Nabi SAW memberi contoh tauladan yang baik khususnya dalam berinteraksi

dengan emosi kanak-kanak. Hal ini boleh dilihat melalui contoh hadis berikut yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA melalui lafaz berikut:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ حُلْفًا وَكَانَ لِي أَخٌ يُقَالُ لَهُ أَبُو عُمَيْرٍ قَالَ أَحْسِبُهُ قَالَ - كَانَ فَطِيمًا - قَالَ - فَكَانَ إِذَا جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَأَاهُ قَالَ: أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النُّعَيْرُ. قَالَ نُعِرَ كَأَن يَلْعَبُ بِهِ.

Terjemahan: “Rasulullah adalah orang yang paling bagus akhlaknya. Aku (Anas) mempunyai seorang saudara laki-laki yang dikenal dengan kunyah Abu ‘Umair. Pada saat itu aku mengira dia masih dalam usia menyusui (kurang dari 2 tahun). Apabila Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam datang, biasanya beliau melihatnya. Kemudian beliau shallallahu ‘alaihi wa sallam berkata, “Wahai Abu ‘Umair ada apa dengan nughair?” Anas berkata, “(Nughair) adalah burung kecil yang dia (Abu ‘Umair) biasa bermain dengannya.”

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Adab, Bāb Istihbab Tahnik al-Maulud ‘Inda Wa La Dittah Wa Hamlihi Ila Salihin Yuhannikuhu, Wa Jawazi Tasmiyyatihi Yauma Wa La Dittah, Wastihbab at-Tasmiyyah Bi ‘Abdillah Wa Ibrahim Wa Sairi Asma Al-Anbiya’ ‘Alaihimussalam*, no. hadis: 2150]

Dalam riwayat lain pula ada mengatakan bahawa baginda tahu burung kecil itu telah mati, tapi baginda masih bertanya kepada anak kecil tersebut mengenainya kerana melihat kesedihan pada wajah si kecil itu (HR Ahmad). Hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bergurau, iaitu dengan memanggil seorang anak kecil dengan panggilan Abu ‘Umair dan bertanya kepadanya untuk menghilangkan resah di dada. Akhlak mulia baginda Nabi SAW yang sentiasa bergaul baik dengan orang sekelilingnya mengikut keadaan dan suasana sentiasa terserlah terhadap semua orang sama ada yang dewasa mahupun kanak-kanak dan keadaan ini menunjukkan baginda SAW mementingkan juga pendidikan kepada kanak-kanak lebih-lebih lagi dalam menjaga emosi mereka.

Seterusnya konsep pendidikan emosi juga boleh difahami daripada hadis Nabi SAW pada suruhan dan ajakan solat, sabda baginda SAW: Dari Amr bin Syu’aib, dari bapanya dari datuknya Abdullah bin ‘Amru RA, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Terjemahan: “Perintahkan anak-anak kalian untuk mengerjakan solat ketika mereka berumur 7 tahun. Pukul mereka jika tidak mengerjakannya ketika mereka berumur 10 tahun. Pisahkanlah tempat-tempat tidur mereka”.

[Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud, Kitāb As-Solah, Bab Mataa Yu'mar Al-Ghulam Bissolah*, no. hadith: 495]

Nabi Muhammad SAW mengajar umatnya agar menerapkan aspek solat dalam fasa awal kehidupan kanak-kanak. Imam Al-Nawawi dalam membincangkan hadis ini mengatakan ibu bapa haruslah mendidik anak-anak dengan penerapan ibadah taharah iaitu bersuci dan solat di awal usia mereka. Memukul jika tidak solat itu adalah ruang lingkup mendidik iaitu tidak boleh memukul sehingga luka dan perlu dielakkan dari terkena wajah. Konsep pengajaran sebegini sesuai diterapkan pada usia kanak-kanak tujuh tahun kerana mereka sudah mampu berfikir dan ia merupakan latihan supaya ia menjadi satu kebiasaan dan perintah ketika mana ia sampai usia baligh (al-Hilali, 2005). Keadaan ini menunjukkan Islam mementingkan emosi kanak-kanak dalam pembentukan ibadah melalui proses latihan bertahap (Jauhar Hatta, 2012) dan bukan secara paksaan.

Begitu juga dalam hadis Rasulullah SAW pernah mendidik ‘Umar bin Abi Salamah adab makan yang benar. Baginda berkata pada ‘Umar:

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ

Terjemahan: “Wahai anak kecil, sebutlah nama Allah (bacalah bismillah) ketika makan. Makanlah dengan tangan kananmu. Makanlah yang ada di dekatmu.”

[Bukhari, *Ṣaḥīḥ Bukhari, Kitāb Al-At'imah, Bāb At-Tasmiyah 'Ala At-Ta'am wal Akli Bilyamin*, no. hadis: 5061, Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Al-Asyribah, Bab Adab At-Ta'am Wassyarab Wa Ahkamuha*, no hadis 2022]

Hadis ini merupakan pesanan Rasulullah SAW kepada kanak-kanak berkaitan adab semasa makan, antaranya supaya menyebut nama Allah SWT, makan dengan menggunakan tangan kanan, dan mengambil makanan dari arah yang dekat dengannya (al-Hilali, 2005). Hadis ini juga menunjukkan cara Rasulullah SAW mengajar kanak-kanak itu dengan menggunakan nada yang penuh kasih sayang, serta diajarinya adab-adab sebelum makan satu per satu (Rosni Wazir, 2020).

Penerapan nilai-nilai baik sebegini sememangnya diperlukan dalam pendidikan emosi kanak-kanak. Pembentukan kanak-kanak bergantung kepada cara dan bagaimana perkembangannya berlangsung (Muhiyatul Huliyah, 2016). Dalam hal ini Rasulullah SAW ada bersabda: Dari

Abu Hurairah RA diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda dalam Kitab Sahih Bukhari:

*“Setiap anak dilahirkan dalam fitrahnya. Keduanya orang tuanya yang menjadikannya sebagai Yahudi, Nasrani atau Majusi.”*

[Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhari, Kitāb Al-Janaiz, Bab Ma Qiila Fi Aulad Al-Musyrikin*, no. hadis: 1319]

Ibnu Taimiyah memberi maksud pada perkataan ‘fitrah’ itu adalah agama Islam yang mana ia membawa maksud selamat dari akidah batil dan menerima akidah yang betul (Ibnu Taimiyah, 2004). Hadis ini menjelaskan bahawa manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah dan memerlukan acuan dan didikan yang jelas dari sudut agama daripada ibu bapa masing-masing (Syarifah Ismail, 2013).

## 5. Perbincangan

### 5.1 Perbincangan Pendidikan Emosi Kanak-Kanak

Dalam konteks perkembangan dan pendidikan emosi kanak-kanak, terdapat lima metode pembelajaran, iaitu pembelajaran pengalaman, pembelajaran melalui peniruan, pengecaman, pelaziman, dan latihan (Hurlock, 1978). Sementara mengikut sarjana psikologi Islam (Ustman Najati M., 2001) (Ustman Najati M., 2005) terdapat empat kaedah pembelajaran iaitu peniruan (*taqlid*), pelaziman (*isyarat*), penaakulan (*tafakkur*) dan pengalaman praktis (*tajribah wa khata*’).

Sementara dalam proses pendidikan emosi kanak-kanak, tiga aspek utama yang patut diberi perhatian ialah mengalami, menzahir dan mengawal perasaan. Mengikut Izard (1982), terdapat emosi primer dan sekunder bagi kanak-kanak. Emosi primer bermula kelahiran sehingga umur tujuh bulan, yang mana bayi menunjukkan minat (dengan memerhati sesuatu), menunjukkan ketidakselesaan sebagai respons kepada kesakitan dan meluat, mempamerkan kepuasan, ekspresi kemarahan dan kesedihan. Manakala emosi sekunder pula mula jelas kelihatan pada usia dua atau tiga tahun. Kanak-kanak mula menunjukkan rasa malu, segan, bangga dan bersalah yang melibatkan kesedaran sendiri dan penilaian terhadap seseorang.

Berdasarkan pemahaman ayat 12-19 daripada surah Luqman dan hadis-hadis Rasulullah SAW yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa pendidikan emosi kanak-kanak boleh diaplikasikan dengan pendekatan berikut;

### i. Penerapan nilai akidah

Berdasarkan ayat 12-13 surah Luqman, terdapat penekanan terhadap penerapan nilai akidah kanak-kanak untuk percaya dan meyakini kewujudan Allah SWT. Terdapat banyak contoh teladan daripada Rasulullah SAW dalam membina akidah dan secara jelasnya terdapat lima dasar asasi dalam pembinaan akidah kanak-kanak (Suwaid, 2015) iaitu:

- a) Melazimkan anak mendengar dan mengucap kalimah tauhid
- b) Menanamkan cinta kepada Allah SWT
- c) Menanamkan cinta kepada Nabi SAW, keluarga baginda dan para sahabat baginda.
- d) Mengajarkan al-Quran kepada anak-anak.
- e) Pendidikan untuk tetap teguh dan rela berkorban demi akidah.

Menurut Fahrina (2021), pendidikan tauhid bermula sejak kecil menjadikan anak lebih mencintai Allah SWT. Tidak ada yang perlu ditakuti kecuali Allah SWT. Mengesakan Allah SWT dalam urusan ibadah kepadanya serta membimbing anak untuk sentiasa mensyukuri segala nikmat yang telah Allah SWT kurniakan.

### ii. Pelaziman ibadat solat

Merujuk kepada ayat 17 surah Luqman, kanak-kanak juga perlu dilazimi dan dilatih dengan amalan solat dengan betul. Seterusnya fasa latihan dan penekanan ibadat solat boleh difahami daripada hadis kedua yang dikemukakan di atas. Fasa kanak-kanak merupakan penentuan perkembangan kanak-kanak untuk fasa berikutnya. Pengenalan kepada solat perlu diterapkan pada awal usia agar ia menjadi kelaziman untuk fasa seterusnya. Pendidikan pada fasa ini sangat penting untuk dikembangkan agar mendapat perkembangan yang optimum. Oleh hal demikian, pada usia tujuh tahun, ibu bapa perlu mendidik anak untuk melaksanakan solat melalui metode yang bersesuaian dan pada usia 10 tahun dibolehkan untuk memukul dengan pukulan bertujuan mendidik (Risdianto Hermawan, 2018).

Kefahaman dan cara untuk melakukan ibadat solat merupakan antara yang ditekankan oleh agama Islam yang mana ia akan memberi kesan kepada tingkah laku dan kehidupan kanak-kanak. Penanaman nilai tersebut disesuaikan dengan tahap perkembangan anak serta kelebihan yang dimiliki oleh kanak-kanak. Oleh hal demikian, kaedah pelaziman solat ini wajarlah diterapkan dalam perkembangan awal kanak-kanak (Muhiyatul Huliyah, 2016).

Dapat dirumuskan bahawa melalui pelaziman dan latihan solat yang betul, dimulai dengan bersuci dan wuduk wajar dilaksanakan secara bertahap mengikut perkembangan dan kematangan emosi kanak-kanak. Kanak-kanak boleh diberi hukuman sewajarnya jika gagal melakukan kewajipan solat apabila meningkat usia 10 tahun, juga mengambil kira kemampuan emosi mereka. Hukuman rotan yang dikenakan adalah untuk membina kesedaran terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka.

iii. Perhatian terhadap emosi kanak-kanak

Daripada hadis pertama yang dikemukakan di atas, menjelaskan bagaimana interaksi yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan kanak-kanak yang berada dalam kesedihan. Difahami bahawa dalam membentuk emosi sejahtera kanak-kanak, ibu bapa dan orang disekitarnya perlu sentiasa peka dan memahami perasaan kanak-kanak. Pemahaman emosi dan menunjukkan simpati terhadap situasi yang dialami kanak-kanak, sangat memberi kesan kepada mereka. Memahami situasi emosi mereka, sama ada dalam kegembiraan, kesedihan, kekosongan dan kehilangan menjadikan kanak-kanak lebih mudah untuk menerima pembinaan emosi positif. Melalui pemahaman perasaan mereka juga, boleh diterapkan nilai-nilai positif untuk perkembangan emosi mereka. (Muhammad Said Mursi, 2001).

Sementara penerapan tersebut hendaklah dilaksanakan dengan kasih sayang dan berhikmah. Hal ini kerana jiwa kanak-kanak adalah jiwa yang rapuh, mudah terkesan, dan akan meniru setiap daripada gaya pendidikan yang berlaku di persekitaran mereka (Jauhar Hatta, 2012). Hal ini juga memberi isyarat kepada anak kecil bagaimana untuk bergaul dalam masyarakat secara hormat dan penuh kasih sayang.

iv. Penghargaan terhadap kanak-kanak

Ayat 16 dan 17 surah Luqman dimulakan dengan seruan Luqman kepada anaknya dengan panggilan yang cukup menggambarkan perasaan kasih seorang ayah terhadapnya. Seruan wahai anakku (*ya bunayya*) juga melambangkan penghargaan terhadap mandiri kanak-kanak. Begitu juga di dalam hadis pertama yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA di atas, Rasulullah SAW menyantuni kanak-kanak yang sedang dalam kesedihan dengan panggilan yang mesra dan menunjukkan baginda SAW sangat mengenali dan menghargainya.

Panggilan menggunakan gelaran yang baik memberi rasa selesa kepada anak kecil dan menjadikannya merasa dianggap penting dalam masyarakat. Ini menyebabkannya lebih mudah menurut dan mengerjakan



segala perintah yang ditujukan kepadanya dengan segala kegembiraan. (Suwaid, 2015)

v. Penerapan nilai murni

Dalam pendidikan emosi kanak-kanak juga perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni. Sebagaimana difahami daripada ayat 12, 13, 18 dan 19 surah Luqman bahawa kanak-kanak perlu dididik dengan sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah SWT, berterima kasih dan menghormati ibu bapa serta tidak mementingkan perasaan sendiri. Kanak-kanak perlu diasuh dengan melakukan perbuatan baik seperti berbuat baik kepada kedua ibu bapa mereka dengan memberi ketaatan berlandaskan ketaatan kepada Allah SWT, serta kewajipan mengikuti jalan orang-orang yang sentiasa mengingati serta bertaubat kepada Allah SWT (Humaidah, 2017).

## 6. Penutup

Setiap anak adalah anugerah serta kurniaan Allah SWT untuk kedua ibu dan bapa. Ia menjadi satu tugas yang wajib digalas oleh mereka agar mendidik anak-anak selari dengan kehendak agama. Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih serta tidak mengetahui sesuatu pun. Oleh itu menjadi tanggungjawab kepada ibu dan bapa untuk mencorak anak-anak serta mendidik mereka untuk menjadi insan yang berguna. Ironinya, pendidikan emosi terhadap kanak-kanak adalah suatu perkara yang perlu dititikberatkan seawal usia. Penerapan emosi hendaklah selari dengan didikan agama yang sememangnya sesuai dengan fitrah bagi seorang manusia. Nilai emosi sejahtera terhadap kanak-kanak perlu diterapkan sejak kecil agar mereka membesar sebagai seorang individu yang bersahsiah mapan, serta berguna terhadap keluarga, masyarakat dan ummah sejagat.

Melalui pemahaman ayat 13 hingga 19 surah Luqman serta hadis-hadis yang diketengahkan dapat dirumuskan lima pendekatan pendidikan emosi kanak-kanak. Pendekatan tersebut ialah penerapan nilai akidah, pelaziman amalan solat, perhatian terhadap emosi kanak-kanak, penghargaan terhadap kanak-kanak dan penerapan nilai murni. Hasil kajian ini diharapkan boleh menjadi panduan yang bermanfaat kepada ibu bapa, para pendidik, mahupun pengurus pusat pendidikan kanak-kanak bagi membantu pihak yang terlibat agar melaksanakan ayat-ayat al-Quran dalam pendidikan emosi kanak-kanak.

## Rujukan

- Al-Quran Al-Karim, (2020) *Al-Quran Tafsir bil Hadis*, Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd
- Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman Bin Ishaq Alu Syaikh, (2017), *Tafsir Ibn Katsir*, Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Abul Hasan, Yusri Ibrahim al-Atifi (2013) *Al-Zaka' al-'Atifi fil Quran al- Karim*; Dirasah Mudhu'iyah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-'Ajami, Muhammad Abdul Salam et.al. (2014) *Tarbiyatul Tifli fil Islam*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Baidhawi, Nasiruddin. (2015). *Anwar At-Tanzil wa Asrar At-Ta'wil*. (105).
- Al-Ghazali, Ahmad Muhammad bin Muhammad (2012), *Ihya 'Ulumuddin*. Kaherah: Syarikah al-Quds.
- Al-Hilali, Syaikh Salim bin 'Ied. (2005). *Syarah Riadhush Shalihin*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, (1).
- Almisykah, J., & Muqit, A. (2022). *Pendidikan Anak Dalam Surah Luqman* (Kajian Tafsir Tematik). *Al-Misykah: Jurnal Studi Al-Quran dan Tafsir*, 3(1), 107 – 122.
- Badriah, Muhammad (2014), *Al-Jam'u baina Quwwatul 'Aqli wa Imta'u al- 'Atifah fi Uslubil Quran*, Dirasat Arabiah wa Islamiah, 7-24.
- Fauziah, D. N. (2017). *Pendidikan Anak Dalam Islam Perspektif Tafsir Asy- Sya'rawi* (Studi Analisis al-Qur'an Surah Luqman Ayat 12-19). *Jurnal Pendidikan Islam Rabbani*, 1(1).
- Halberstadt, A.G. (1991), *Toward an Ecology of Expressiveness: Family Socialization in Particular and a Model in General*, New York : University Cambridge Press.
- Hatta, J. (2012). *Prinsip-Prinsip Pendidikan Anak Usia Dini dalam Al-Qur'an*: Kajian Tafsir Tarbawi pada Surat Luqman. *Al-Bidayah: Jurnal Pendidikan Dasar Islam*, 4(157-172).
- Huliyah, Muhiyatul. (2016). Hakikat Pendidikan Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Guru Raudlatul Athfal*, Vol. 1 No.01, 60-71.
- Humaidah, S. (2017). *Pembelajaran Akhlaq Luqmanul Hakim* (QS Luqman: 12 sd 19). *Jurnal Pedagogy*, 10(1), 50-61.
- Hurlock, Elizabeth B (1978), *Child Development*, Mc Graw Hill, Auckland.
- Ibnu Taimiyah. (2004). *Majmu' Fatawa*. Saudi: Majma' Al-Malik Fahd, Jil 4.
- Ibrahim, Ahmad Muhammad Nur (2011), *Al-infi'al fil Quranul Karim wa al- Sunnah al- Nabawiah; Nau'an wa asaran*, Buhus wa Dirasat Islamiah, 183-229.
- Indah Kartika Sari. (2020). *T'brah Kisah Luqman al-Hakim dalam Pendidikan Karakter pada Anak* (Telaah Penafsiran Wahbah az-Zuhaili atas Surah Luqman ayat 12-19 dalam Tafsir al-Munir). Disertasi Sarjana Surabaya: Digital Library UIN Sunan Ampel, 57-59.
- Izard, C. E (1982), *Measuring Emotions in Infants and Children*, New York.: Cambridge University Press,
- Jumu'ah, Ahmad Khalil. (2001). *At-Tifl Fi Dhau'I Al-Quran wa As-Sunnah wa Al-Adab*, Beirut: Yamamah.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liriwati, F. Y., & Armizi, A. (2021). *Konsep Pendidikan Tauhid Anak Usia Dini Menurut Tafsir Surah Luqman Ayat 13. Prosiding Pengembangan Anak Usia Dini Holistik Integratif Era Covid 19*, 117-124.
- Majma' Allughah Al'Arabiah*. (1988). *Mu'jam Alfaz Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Al-Idarah Al-'Ammah Lil Mu'jamat Wa Ihyaai At-Turath. (710).

- Nor Idayu Bosro. (2020), Bantu remaja, kanak-kanak uruskan emosi, Kosmo 22 Oktober 2020. <https://www.kosmo.com.my/2020/10/22/bantu-remaja-kanak-kanak-uruskan-emosi/> Dicapai pada : 16 November 2022
- Norsaleha Mohd. Salleh & Noor Hafizah Mohd. Haridi. (2016). Prosiding Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRYSAD 2016).
- Nurul Akhma Yahya, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, Nurfadilah Abdul Basit. (2015). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam*. Proceeding the 7<sup>th</sup> International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Educaiton and Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED).
- Risdianto Hermawan. (2018). *Pengajaran Solat Pada Anak Usia Dini Perspektif Hadis Nabi Muhammad SAW*, *Insania*, 23 (2).
- Suwaid, Muhammad Nur Abdul Hafizh (2015), *Prophetic Parenting : Cara Nabi Didik Anak. Selangor: Alam Raya. (225)*
- Syaikh Jamal, Abdul Rahman (2010). *Islamic Parenting; Pendidikan Anak Metode Nabi*. Aqwam. Solo.
- Syarifah Ismail. (2013). *Tinjauan Filosofis Pengembangan Fitrah Manusia dalam Pendidikan Islam*. *Jurnal At-Ta'dib*, (241-263).
- Ustman Najati, M. (2001), *Al-Quran wa Ilmu al-Nafsi*, Kaherah: Darul Syuruq.
- Ustman Najati, M. (2005), *Al-Hadis al-Nabawi wa Ilmu al-Nafsi*, Darul Syuruq, Kaherah.
- Wazir, Rosni. (2020). *Pendidikan Akidah Rasulullah S.A.W Terhadap Kanak- Kanak Berdasarkan Hadith Ke Sembilan Belas Al-Arba 'In Alnawawiyah*. Conference: 4th International Conference And Exhibition On Islamic Education (ICIED 2014).???